

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mempertimbangkan semula pelaksanaan moratorium pinjaman yang disasarkan kepada peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan, pinjaman di bawah RM50,000 dan peminjam sektor yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memberikan moratorium ke atas pinjaman bank selama 6 bulan sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan. Bantuan akan terus diberikan meskipun selepas moratorium secara keseluruhan berakhir tetapi secara yang lebih tersasar bagi memastikan hanya peminjam yang benar-benar memerlukannya akan diberi bantuan.
2. Dengan peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar mulai 1 Oktober 2020, bank terus menawarkan pelanjutan moratorium dan bentuk fleksibiliti bayaran balik pinjaman lain kepada peminjam yang terjejas akibat COVID-19. Bantuan ini disediakan kepada peminjam yang telah kehilangan pekerjaan atau pendapatan mereka terjejas, sama ada secara individu, isi rumah atau sektor PKS sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021.
3. Selain itu, berikutan gelombang ketiga COVID-19 baru-baru ini, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021, bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan dilanjutkan kepada golongan B40 yang merupakan penerima Bantuan Prihatin Rakyat dan perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000.
4. Peminjam dari golongan B40 diberi pilihan sama ada menangguhkan bayaran balik pinjaman selama tiga bulan atau mengurangkan bayaran ansuran bulanan mereka sebanyak 50% dalam enam bulan mulai Disember 2020. Kelulusan diberikan secara automatik setelah mereka menyatakan pilihan mereka kepada bank. Peminjam yang memerlukan bantuan hanya perlu memaklumkan bank masing-masing melalui pelbagai saluran mudah yang telah disediakan seperti perbankan internet, secara dalam talian atau menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

5. Proses permohonan telah dipermudah dan diringkaskan bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan segera kepada peminjam yang memerlukan. Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional kumpulan M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank telah bersetuju untuk menerima pengisytiharan sendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Setakat ini, dalam kalangan individu yang memohon bantuan bayaran balik pinjaman, kira-kira 50% mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM5,000 atau kurang. Sementara itu, sebanyak 28% daripada mereka pula mempunyai pendapatan bulanan antara RM5,000 hingga RM10,000. Bagi peminjam yang berada dalam industri terjejas seperti industri pelancongan, bank juga menawarkan penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga enam bulan dengan mengambil kira faktor penutupan sempadan antarabangsa yang berpanjangan. Tempoh penangguhan ini boleh ditambah sekiranya keadaan semasa tidak berubah. Kerajaan juga ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas. Mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.